



Ruj. Kami : BTPN(JOH)/8873/1/4 (03)

Tarikh : 18 Julai 2016.

PENGETUA / GURU BESAR

Sekolah-sekolah Negeri Johor

Tuan,

MAKLUMAN PENARAFAN PEMBESTARIAN SEKOLAH MENGGUNAKAN *SMART SCHOOL QUALIFICATION STANDARDS (SSQS)* TAHUN 2016

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menjalankan pelaksanaan dan pemantauan penarafan pembestarian sekolah yang dilaksanakan secara dalam talian **mulai 15 Julai hingga 30 Ogos 2016** seperti surat dengan nombor rujukan : KP (BTP-PPSB) 8817/3/4/Jld.3 (25) bertarikh 27 Mei 2016.

3. Sehubungan itu, semua sekolah di Negeri Johor diminta memulakan proses penarafan secara atas talian ini pada pautan berikut :

<http://btpnjohor.moe.gov.my/ssqs2016>

4. Bagi membantu proses pelaksanaan ini, pihak BTP Negeri Johor dan Pusat Kegiatan Guru (PKG) yang berhampiran sedia membantu di samping panduan SSQS yang disediakan di laman sesawang. Pihak sekolah diminta memohon bantuan Guru Penyelaras Bestari/Guru Penyelaras ICT bagi pelarasan *Admin* di peringkat sekolah.

5. Selain itu, pihak tuan diminta mendapatkan senarai *token* bagi melaksanakan proses penarafan melalui log masuk *Admin* pada pilihan menu Sekolah menggunakan Kata Laluan kod sekolah masing-masing.

6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi *Unit Pembestarian Sekolah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor* di talian 07-5581893 sambungan 109, 158 atau 159.

Sekian, terima kasih.

“SEHATI SEJIWA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
ASHA'ARI BIN OMAR

Penolong Pengarah

b.p. Ketua Penolong Pengarah,

Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor

Salinan Kepada :

1. Semua Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Johor
2. Semua Pegawai Teknologi Pendidikan Pusat Kegiatan Guru Negeri Johor
3. Semua Pegawai Teknologi Pendidikan Unit Pembastarian Sekolah Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor
4. Fail Timbul